

**Parlimen: Projek Naik Taraf Jalan Kota Baharu-Kuala Krai Tidak Batal - Shaziman Bernama**  
**17 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Kerajaan tidak pernah membatalkan pelaksanaan projek menaik taraf jalan persekutuan dari Kota Baharu ke Kuala Krai, Kelantan, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri Shaziman Abu Mansor.

Sebaliknya projek itu ditangguh sementara bagi membolehkan kerajaan menilai semula skop, spesifikasi dan kos projek berkenaan, katanya.

"Kerajaan berpandangan cadangan harga kontrak yang pihak kontraktor tawarkan untuk laksanakan projek itu secara 'design and build' amatlah tinggi iaitu RM1.6 bilion untuk jajaran sepanjang 77 kilometer.

"Berdasarkan perancangan semula, cadangan projek menaik taraf jalan Kota Baharu-Kuala Krai akan diberi keutamaan dan pertimbangan oleh kementerian untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-11," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 bagi kementerian itu di Dewan Rakyat pada Rabu.

Projek itu merupakan sebahagian daripada jajaran Jalan Persekutuan Central Spine dari Pahang ke Kelantan dengan cadangan menaiktaraf Jalan Kota Baharu-Kuala Krai yang diluluskan secara prinsip pada tahun 2008.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702736>